

**PERANAN WAKAF DALAM MENINGKATKAN TARAF EKONOMI  
UMAT ISLAM KHUSUS DALAM SEKTOR PERTANIAN DI  
MALAYSIA**

***THE ROLE OF WAQF IN IMPROVING THE ECONOMIC STATUS OF  
MUSLIMS, ESPECIALLY IN THE AGRICULTURAL SECTOR IN  
MALAYSIA***

**Muhammad Hilmi Mat Johar\***

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Islam Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

**Siti Aminah Mat Saad**

Fakulti Keilmuan Islam, Universiti Islam Melaka,  
Batu 28, Kuala Sungai Baru, 78200 Melaka, Malaysia

*\*Corresponding Author's Email: hilmi@unimel.edu.my*

---

**Article History:**

*Received : 17 September 2024*

*Accepted : 25 November 2024*

*Published : 26 December 2024*

*© Penerbit Universiti Islam Melaka*

---

***To cite this article:***

Johar, M. H. M. & Saad, S. A. M. (2024). Peranan Wakaf dalam Meningkatkan Taraf Ekonomi Umat Islam Khusus dalam Sektor Pertanian di Malaysia. *Jurnal 'Ulwan*, 9(2), 296-310.

**ABSTRAK**

Wakaf merupakan ibadat sunat dalam syariat Islam dan sebagai satu instrumen yang terpenting dalam membangunkan ekonomi umat Islam. Ia bertindak sebagai mekanisme agihan semula kekayaan dalam kalangan masyarakat. Ia memainkan peranan yang penting dalam menangani masalah penyisihan sosial seperti pengangguran, pendapatan rendah, kemiskinan dan sebagainya. Di Malaysia, dana dan harta wakaf yang ada seperti wakaf masjid, wakaf saham, wakaf tanah perkuburan, tanah pertanian dan banyak lagi. Projek pembangunan ekonomi yang diusahakan seperti perkhidmatan kesihatan, pendidikan, tempat ibadat dan pembasmian kemiskinan dalam kalangan masyarakat adalah hasil daripada pelaksanaan wakaf. Majlis Agama Negeri secara rasminya merupakan pengurus harta-harta wakaf yang terdapat di Malaysia. Di samping itu, terdapat beberapa institusi lain yang terlibat dalam pengurusan wakaf di Malaysia seperti Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji (JAWHAR) dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). Kertas kerja ini membincangkan tentang kaedah yang dilaksanakan oleh institusi-institusi

pengurusan wakaf di Malaysia dalam sektor pertanian dan analisis berkaitan kaedah yang digunakan. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa wakaf pertanian yang diuruskan oleh Jabatan Agama Islam Negeri dan institusi-institusi yang terlibat mampu menjana pendapatan bagi golongan yang kurang berkemampuan khususnya dan dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara secara amnya.

**Kata kunci:** Wakaf; Pembasmian Kemiskinan; Pertanian; Pembangunan Ekonomi

## **ABSTRACT**

*Waqf is circumcision worship in Islamic Sharia and as an important instrument in developing the economy of Muslims. It acts as a mechanism to redistribute wealth among the community. It plays an important role in dealing with social exclusion problems such as unemployment, low income, poverty and so on. In Malaysia, there are waqf funds and properties such as mosque waqf, stock waqf, cemetery waqf, agricultural land and many more. Economic development projects undertaken such as health services, education, places of worship and poverty alleviation in the community are the result of the implementation of waqf. The State Religious Council is officially the manager of waqf properties in Malaysia. In addition, there are several other institutions involved in waqf management in Malaysia such as the Zakat, Waqf and Hajj Department (JAWHAR) and the Malaysian Waqf Foundation (YWM). This paper discusses the methods implemented by waqf management institutions in Malaysia in the agricultural sector and analysis related to the methods used. The results of this study found that the agricultural waqf managed by the State Department of Islamic Religion and the institutions involved are able to generate income for the underprivileged in particular and can increase the country's economic growth in general.*

**Keywords:** *Waqf; Poverty Alleviation; Agriculture; Economic Development*

## **1.0 PENGENALAN**

Pembasmian kemiskinan merujuk kepada usaha atau langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan atau menyelesaikan isu kemiskinan dalam masyarakat. Istilah ini menggambarkan usaha yang menyeluruh untuk meningkatkan taraf kehidupan serta mengangkat golongan yang kurang berkemampuan ke arah kehidupan yang lebih baik. Zaman Khalifah Umar al-Khattab adalah salah satu zaman yang terkenal dalam sejarah Islam atas penekanan dalam membasmi kemiskinan. Umar al-Khattab adalah seorang pemimpin yang amat prihatin terhadap kebajikan rakyatnya. Beliau mengambil langkah proaktif untuk menangani isu kemiskinan dengan menubuhkan Baitul Mal iaitu institusi kewangan Islam yang bertanggungjawab untuk menguruskan dana umum untuk membantu golongan yang memerlukan, termasuk orang miskin, janda, anak yatim, dan mereka yang memerlukan bantuan kewangan. Seterusnya beliau memastikan pembahagian harta secara adil, memeriksa kewangan dan memastikan bahawa mereka tidak menyalahgunakan kuasa mereka. Umar al-Khattab dikenali sebagai pemimpin yang hidup secara sederhana dan memerintah

dengan teladan yang baik. Beliau sendiri memberikan contoh yang baik dengan sikap rendah diri dan mengurangkan perbelanjaan kerajaan untuk memastikan kebajikan umat Islam terjamin.<sup>1</sup> Tindakan-tindakan ini menunjukkan keberkesanan Umar al-Khattab dalam menangani isu kemiskinan dengan pendekatan yang bijak dan bersepadu. Beliau mempunyai kesedaran yang tinggi tentang tanggungjawab sosial dan keadilan dalam masyarakat yang mempengaruhi amalan Islam dalam memerangi kemiskinan.

Dalam usaha pembasmian kemiskinan khususnya di Malaysia, pelbagai strategi telah dirancang dan dilaksanakan. Antaranya, kerajaan telah memperkenalkan satu strategi iaitu Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1971. Ia bertujuan untuk merapatkan jurang ekonomi antara kaum-kaum di negara ini dan mengurangkan kadar kemiskinan. Dasar ini memberi tumpuan kepada peluang ekonomi, pembangunan infrastruktur dan pendidikan untuk mencapai objektif tersebut.<sup>2</sup> Sehingga kini usaha-usaha pembasmian kemiskinan giat dijalankan dan terus diberikan penekanan setiap kali Rancangan Malaysia. Gagasan Malaysia Madani yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 19 Januari 2023 telah memperkenalkan satu kerangka dasar bagi memartabatkan semula negara sebagai negara makmur dan dihormati. Pembasmian kemiskinan merupakan salah satu daripada tiga keutamaan strategik dalam kerangka Malaysia Madani.<sup>3</sup> Strategi ini menjadi penting disebabkan jumlah golongan miskin tegar negara masih lagi tinggi walaupun setelah lebih 60 tahun kemerdekaan. Justeru, dalam mencapai objektif yang disasarkan iaitu usaha untuk membasmi kemiskinan perlu melibatkan kerjasama antara pelbagai pihak seperti kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat secara keseluruhan. Setiap langkah yang diambil perlu mempertimbangkan keperluan serta konteks tempatan bagi mencapai impak yang besar.

Pelbagai langkah yang diambil oleh pihak kerajaan untuk membantu rakyat sama ada dari sudut pembangunan ekonomi, pendidikan, kesihatan dan sebagainya. Menerusi pendidikan, kerajaan telah memberikan tumpuan tinggi terhadap pendidikan yang berkualiti kepada semua lapisan masyarakat untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Seterusnya, dari sudut pembangunan ekonomi masyarakat, kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan kepada usahawan kecil antaranya seperti bantuan geran kerajaan di bawah program usahawan mikro i-Tekad bagi mereka yang kekurangan modal. Selain itu, akses kepada perkhidmatan kesihatan yang berpatutan seperti menyediakan pusat kesihatan dengan kos yang murah kepada masyarakat dapat membantu meringankan bebanan kewangan. Disamping itu, kerajaan turut memperkasakan sosioekonomi rakyat melalui pertanian yang diintegrasikan dengan elemen wakaf. Penggunaan wakaf dalam sektor pertanian mempunyai potensi untuk memajukan teknologi pertanian,

---

<sup>1</sup> Prof Madya Dr. Haji Nasser bin Taib. *Islam dan Pembasmian Kemiskinan*. Dicapai pada 10 Disember 2023, [http://eprints.utm.my/9879/1/ARTNasserTaib1993\\_IslamDanPembasmianKemiskinan.pdf](http://eprints.utm.my/9879/1/ARTNasserTaib1993_IslamDanPembasmianKemiskinan.pdf)

<sup>2</sup> Wan Nor Azriyati Wan Abd Aziz, Faizah Ahmad, Noor Rosly Hanis & Wang Hong Kok. (2011) Pembasmian Kemiskinan Bandar ke Arah Bandar Inklusif dan Sejahtera: Cabaran Kuala Lumpur. *Journal of Surveying, Construction & Property*, Vol. 2, Issue 1, pp. 107-124

<sup>3</sup> Anwar Ibrahim. (2023). *Membangunan Negara Madani: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi*. Selangor: IDE Research Centre Sdn. Bhd.

meningkatkan hasil pertanian dan memberikan sokongan kepada komuniti petani untuk mencapai kelestarian ekonomi dan alam sekitar.

## 2.0 PERANAN WAKAF DALAM MENINGKATKAN TARAF EKONOMI UMAT ISLAM DAN APLIKASINYA DI MALAYSIA

Wakaf berasal dari perkataan Arab iaitu *waqafa* yang membawa maksud menahan, menegah atau berhenti. Dari sudut syarak, wakaf dimaksudkan sebagai menahan sesuatu harta yang boleh dimanfaatkan serta bersifat kekal dan terputus hak pengurusan harta tersebut daripada pewakaf yang mana perbelanjaan yang diambil daripada hasil wakaf itu sendiri atau dengan menggunakan harta wakaf tersebut adalah bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT.<sup>4</sup> Manakala menurut kamus dewan, wakaf bermaksud sesuatu yang diberikan untuk kegunaan orang ramai atau diuntukkan bagi keperluan dan sebagainya yang berkaitan dengan agama Islam. Dalam konteks amalan di Malaysia pula, wakaf bermaksud menyerahkan sebarang harta yang boleh dimanfaatkan untuk tujuan kebajikan sama ada sebagai wakaf am yang mana pewakaf menyerahkan harta wakaf tanpa sebarang syarat atau wakaf khas yang telah disyaratkan untuk tujuan tertentu.<sup>5</sup> Kebiasaannya, masyarakat tradisional di Malaysia lebih cenderung mewakafkan harta mereka di dalam wakaf khas berbanding wakaf am. Misalnya, seorang pewakaf telah mewakafkan sebidang tanah miliknya tanpa meletakkan sebarang syarat ke atas tanah tersebut, maka tanah itu dikategorikan sebagai tanah wakaf am, kemudian tanah tersebut boleh diusahakan dalam pelbagai bentuk pembangunan sama ada dalam sektor pertanian, pendidikan, pelancongan dan sebagainya yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat. Manakala, bagi tanah yang diwakafkan dengan syarat tertentu pula dikategorikan sebagai tanah wakaf khas. Antara contoh tanah wakaf khas seperti tanah perkuburan, pembinaan masjid, surau atau sekolah agama.

Wakaf merupakan amalan sedekah yang dianjurkan oleh Islam terhadap umatnya yang berada dalam kalangan yang berkemampuan untuk membantu golongan tidak berkemampuan agar kesenangan yang dikurniakan itu dapat dinikmati bersama. Perkara ini sebagaimana firman Allah SWT:

لَنْ تَنَالُوا الْبِرَّ حَتَّى تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ

Maksudnya: *Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi. Dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah mengetahuinya.* (Surah Ali Imran: 92)

Berdasarkan ayat di atas, Imam al-Baidawi menafsirkan bahawa seseorang itu tidak akan dapat mencapai hakikat kebaikan yang sebenar iaitu kesempurnaan bagi

<sup>4</sup> Razali Othman. (2015). *Institusi Wakaf: Sejarah dan Amalan Masa Kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

<sup>5</sup> *Ibid.*

sesuatu kebaikan atau tidak akan mencapai kebaikan Allah SWT iaitu rahmat-Nya, keredaan-Nya dan syurga sehinggalah seseorang itu menginfakkan sesuatu harta yang disayangnya.<sup>6</sup> Justeru, Islam menuntut umatnya melaksanakan wakaf kerana ia merupakan suatu amalan yang dapat membantu pertumbuhan ekonomi umat Islam khususnya bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan. Apabila golongan berada mewakafkan harta mereka, maka secara tidak langsung dapat memenuhi keperluan golongan yang kurang berkemampuan sekaligus dapat mententeramkan perasaan sedih yang timbul oleh kerana masalah kemiskinan yang dihadapi mereka. Oleh yang demikian, amalan berwakaf dapat menanamkan semangat sanggup berkorban dan memupuk budaya muafakat serta kerjasama dalam kalangan masyarakat untuk kestabilan ekonomi negara. Di samping itu, wakaf bukan sahaja mampu menolong golongan yang kurang bernasib baik, bahkan mendidik golongan berada untuk menghayati konsep pemilikan harta menurut Islam.<sup>7</sup> Keadaan ini menunjukkan bahawa amalan wakaf merupakan salah satu kaedah terbaik untuk menjaga hubungan mendatar iaitu hubungan sesama manusia dan hubungan manusia dengan pencipta-Nya yang merupakan keutamaan menjaga hubungan menegak.

Seperti yang telah dijelaskan, Islam telah memberikan garis panduan dalam mensejahterakan masyarakat daripada dibelengu kemiskinan, kemelaratan dan ketidaksamarataan dalam kehidupan masyarakat menerusi pengamalan wakaf. Penggunaan wakaf mempunyai justifikasi yang kukuh untuk membasmi kemiskinan yang mana amalan ini telah diperkenalkan oleh Rasulullah SAW dan telah dipraktikkan oleh para sahabat. Di dalam sebuah hadis yang terkenal telah menceritakan tentang wakaf saidina Umar RA yang diriwayatkan oleh Ibnu Umar RA:

أَصَابَ عُمَرُ أَرْضًا بِحَيْبَرَ , فَأَتَى النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتَأْمِرُهُ فِيهَا ,  
فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ , إِنِّي أَصَبْتُ أَرْضًا بِحَيْبَرَ لَمْ أَصِبْ مَالًا قَطُّ هُوَ  
أَنْفَسُ عِنْدِي مِنْهُ , فَقَالَ : إِنْ شِئْتَ حَبَسْتَوَانَهُ لَا يُبَاعُ أَصْلُهَا , وَلَا يُبْتَاغُ  
وَلَا يُورَثُ وَلَا يُوهَبُ قَالَ فَتَصَدَّقْ عُمَرُ فِي الْفُقَرَاءِ وَفِي الْقُرْبَى وَفِي الرِّقَابِ وَفِي  
سَبِيلِ اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ وَالضَّيْفِ لَا جُنَاحَ عَلَيَّ مَنْ وَلِيَهَا أَنْ يَأْكُلَ مِنْهَا  
بِالْمَعْرُوفِ أَوْ يُطْعِمَ صَدِيقًا غَيْرَ مُتَمَوِّلٍ مَالًا

**Maksudnya:** Umar telah mendapat sebidang tanah di Khaibar kemudian dia datang menghadap Nabi S.A.W untuk meminta pendapat berkenaan cara menguruskannya, katanya: Wahai Rasulullah! Saya telah mendapat sebidang tanah di Khaibar. Saya belum pernah

<sup>6</sup> Portal Rasmi Pejabat Wilayah Persekutuan. (8 Julai, 2021). *Bayan Linnas Siri Ke-237: Waqaf: Definisi, Konsep dan Kepentingannya*. Dicapai pada 10 Disember 2023, <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/4861-bayan-linnas-siri-ke-237-waqaf-definisi-konsep-dan-kepentingannya>

<sup>7</sup> Norizah Mohamed@Haji Daud &Asmak Ab Rahman. (2017). *Wakaf Kesihatan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

*memperolehi harta yang lebih baik daripada ini. Baginda bersabda: Jika kamu suka, tahanlah tanah itu (wakafkanlah tanah itu) dan kamu sedekahkan manfaatnya. Lalu Umar mengeluarkan sedekah dari hasil tanah itu dengan syarat tanahnya tidak boleh dijual dan dibeli serta diwarisi atau dihadiahkan. Umar mengeluarkan sedekah hasilnya kepada fakir miskin, kaum kerabat dan untuk memerdekakan hamba juga untuk orang yang berjihad di jalan Allah serta untuk bekal orang yang sedang dalam perjalanan dan menjadi hidangan untuk tetamu. Orang yang mengurusnya boleh makan sebahagian hasilnya dengan cara yang baik dan boleh memberi makan kepada temannya dengan sekadarnya. (Hadis Riwayat Muslim)*

Hadis di atas menunjukkan bahawa wakaf merupakan satu bentuk aktiviti ekonomi Islam yang berpotensi tinggi dan mampu membawa kepada pembangunan ummah untuk jangka masa panjang. Malah pembelaan dan pemeliharaan harta dapat dilaksanakan sekiranya instrumen wakaf dijalankan mengikut kaedah, struktur dan model terbaik sedia ada atau penambahbaikan yang dilakukan. Selain itu, pencerobohan pemilikan terhadap harta wakaf juga boleh dikurangkan melalui penguatkuasaan yang lebih efisien oleh pihak berkuasa tempatan.<sup>8</sup> Di Malaysia, perkara berkaitan wakaf terkandung dalam peruntukan Perlembagaan Malaysia yang mana secara rasminya Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN) merupakan pemegang amanah tunggal bagi menguruskan harta-harta wakaf. Namun, dalam setiap negeri mempunyai sistem pentadbiran wakaf tersendiri yang tertakluk bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN) berdasarkan Enakmen Pentadbiran Agama Islam negeri masing-masing. Selain Majlis Agama Islam Negeri-negeri (MAIN), institusi wakaf di peringkat persekutuan seperti Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) juga mempunyai peranan utama dalam membangunkan harta wakaf di Malaysia.

YWM merupakan entiti wakaf kebangsaan yang telah ditubuhkan dengan rasminya pada 23 Julai 2008 di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 oleh JAWHAR untuk menguruskan semua sumber wakaf di Malaysia dan menjana potensi ekonomi yang tinggi untuk manfaat masyarakat. Penubuhan ini berikutan daripada kekangan yang berlaku dalam pembangunan hartanah wakaf di Malaysia seperti masalah harta wakaf tidak bergerak, rosak, tidak komersial dan tidak berdaya maju berpunca dari kelemahan tadbir urus pemegang amanah dan isu kekeliruan dalam menterjemahkan kehendak syariah berkaitan isu pembangunan harta wakaf.<sup>9</sup> Mengikut Statistik Tanah Wakaf Seluruh Malaysia yang diperolehi daripada Portal Rasmi JAWHAR, bilangan tanah lot wakaf sebanyak 18,402 manakala keluasan tanah wakaf sebanyak 20,993 hektar. Daripada jumlah lot tersebut, 84 peratus (15,384) tanah tersebut telah dimanfaatkan dan berbaki 16 peratus (3018) belum dimanfaatkan. Manakala daripada keluasan tanah wakaf, 88

---

<sup>8</sup> Khairil Faizal Khairi, Nurul Hidayah Laili, Hisham Sabri & Mohamad Yazis Ali Basah. (2019). *Melestarikan Tanah Wakaf melalui Pemerksaan Wakaf Koperat*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM.

<sup>9</sup> Farhana Mohamad Suhaimi & Asmak Ab Rahman. (2018). *Pembiayaan Pembangunan Negara Menerusi Wakaf*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

peratus (18,578) telah dimanfaatkan dan berbaki lagi 12 peratus (2415) belum dimanfaatkan.<sup>10</sup>

Oleh itu, beberapa projek pertanian telah diusahakan atas tanah wakaf bagi meningkatkan ekonomi Islam seperti Laman WATANI yang terletak di Presint 20. Projek ini merupakan projek sulung YWM yang mana ianya antara salah satu inisiatif yang diumumkan menerusi Belanjawan 2022 di bawah Pemerkasaan Ekonomi Islam. Selain itu, projek ini merupakan salah satu daripada matlamat utama YWM dalam memperkasakan sosioekonomi rakyat melalui pertanian yang diintegrasikan dengan elemen wakaf. Projek Wakaf Pertanian Bersepadu yang juga dikenali sebagai WATANI ini dilihat mampu untuk meningkatkan ekonomi rakyat dengan menyediakan pelbagai peluang pekerjaan dan pada masa yang sama memperkasakan sekuriti makanan negara melalui sektor pertanian. Pertanian yang dijalankan atas tanah seluas 10 ekar ini menggunakan kaedah penanaman yang bersistematik dan berjadual bagi menghasilkan tanaman yang berkualiti seterusnya mendapat pulangan hasil sebagaimana yang telah dirangka.<sup>11</sup> Selain itu, terdapat beberapa tanah wakaf yang diusahakan dengan pelbagai jenis tanaman di bawah pemantauan Majlis Agama Islam Negeri-negeri sebagaimana yang disenaraikan dalam Jadual 1.

**Jadual 1:** Tanah Wakaf untuk Pembangunan Ekonomi Islam dalam Sektor Pertanian

<b>Majlis Agama Islam Negeri-Negeri (MAIN)</b>	<b>Tanah Wakaf</b>
Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP)	Projek Ladang Tanaman Nanas di Kampung Tun Sardon, Tasek Gelugor
Majlis Agama Islam Kedah (MAIK)	Majoriti tanah wakaf di negeri Kedah adalah tanah sawah bendang. Tanah-tanah tersebut disewakan kepada pesawah dan hasilnya dikutip oleh Pihak MAIK
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Perak (MAIAMP)	Ladang tanaman kelapa sawit di Lekir, Setiawan
Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)	<ol style="list-style-type: none"><li>1. Projek tanaman Mangga Delite di Lipat Kajang, Jasin</li><li>2. Tanaman jati emas dan kelapa sawit di Kesang Jasin</li><li>3. Tanaman kelapa sawit di Kampung Ayer Paabas</li></ol>

<sup>10</sup> Portal Rasmi Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). *Statistik Tanah Wakaf Seluruh Malaysia Sehingga Julai 2023*. Dicapai pada 11 Disember 2023, <https://www.jawhar.gov.my/en/waqf/waqf-statistic/>

<sup>11</sup> Portal Rasmi Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). (28 Jun, 2022). *Program Bertani dan Beriadah (TADAH) YWM di Laman WATANI Bersama Warga Kerja Yayasan Waqaf Malaysia*. Dicapai pada 13 Disember 2023, <https://www.ywm.gov.my/aktiviti/400>

Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ)	Ladang Wakaf Johor, Mersing
Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP)	1. Ladang Getah MUIP Sg. Berjuang Ulu Cheka, Jerantut 2. Ladang Kelapa Sawit MUIP Jalan Tasik Chini, Pekan
Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)	Ladang Wakaf. Kerjasama MAIDAM dan Pertubuhan Kebajikan Anak Yatim (PERKAYA)
Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK)	Sewaan tanah wakaf untuk aktiviti pertanian bagi tanaman kelapa dan tembikai
Yayasan Wakaf Malaysia (YDM)	Laman WATANI di Presint 20

---

Sumber: Pelbagai Sumber <sup>12</sup>

### **3.0 ANALISIS TERHADAP SEKTOR PERTANIAN YANG DIJALANKAN ATAS TANAH WAKAF**

Projek Wakaf Pertanian Bersepadu (WATANI) merupakan suatu projek yang dilaksanakan dibawah seliaan anak syarikat Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) iaitu YWM MAIN Holdings Sdn. Bhd. Projek ini dijalankan bertujuan untuk memanfaatkan tanah wakaf untuk kegunaan pertanian bagi meringankan beban golongan fakir miskin dan golongan B40. Perwakafan dari sudut pertanian juga bukan sahaja dapat meningkatkan taraf hidup masyarakat, bahkan turut menyumbang kepada perkembangan ekonomi dalam usaha untuk menjayakan pertanian yang dijalankan. Menerusi Portal Rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK), pada tahun 2022 sebanyak 1257 lot tanah bersamaan 1258 ekar tanah telah diwakafkan dan diletakkan di bawah kawalan MAIK.<sup>13</sup> Tanah tersebut dibahagikan kepada 59 peratus untuk dijadikan sebagai tanah perkuburan, 21 peratus diusahakan untuk tapak masjid dan surau manakala selebihnya pula untuk didirikan tahfiz, rumah anak yatim dan diberi sewa untuk

---

<sup>12</sup> Farhana Mohamad Suhaimi & Asmak Ab Rahman, *op. cit.*, hlm. 3; Portal Rasmi Perbadanan MAINS. (19 Oktober, 2023). *Projek Nenas di Tanah Wakaf*. Dicapai pada 13 Disember 2023, <https://mainscorp.com/aktiviti/projek-nenas-di-tanah-wakaf/>; Portal Rasmi Yayasan Wakaf Malaysia. (28 Jun, 2022). *Program Bertani dan Beriadah (TADAH) YWM di Laman WATANI Bersama Warga Kerja Yayasan Waqaf Malaysia*. Dicapai pada 14 Disember 2023, <https://www.ywm.gov.my/aktiviti/400>; Asmak Ab Rahman. *Peranan Wakaf dalam Membangunkan Ekonomi Umat Islam: Pengalaman di Malaysia*. Dicapai pada 14 Disember 2023, <https://eprints.um.edu.my/9150/1/All.pdf>; Mujiburrahman Muhammad Saleh, Nurul Akma Mohamed, Suraini Saufi, Hamidi Abdul Ghani & Sabree Noor. (2022). Wakaf Ekonomi: Konsep dan Potensi Pelaksanaannya di Negeri Kelantan. *e-Proceedings of the 1st International Conference on Islamic Economics 2022 (1st ICONIE 2022)*, pp. 80-96.

<sup>13</sup> Portal Rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). (29 Jun, 2022). *MAIK Belanja Lebih Rm1 Juta Untuk Pelbagai Projek Waqaf Tunai*. Dicapai pada 15 Disember 2023, <https://www.e-maik.my/v2/index.php/koleksiberita/berita-2022/maik-belanja-lebih-rm1-juta-untuk-pelbagai-projek-waqaf-tunai>



kegunaan pertanian dan premis perniagaan. Hasil daripada sewaan itu akan disalurkan kepada penerima manafaat wakaf.

Wakaf pertanian ini merupakan instrumen kewangan yang berpotensi besar untuk meningkatkan ekonomi negara sekiranya ianya dilaksanakan dengan baik, teratur dan telus. Sesuatu tanah yang diwakafkan untuk tujuan pertanian akan dipantau terlebih dahulu oleh mereka yang arif dengan bidang pertanian. Pemantauan yang dilakukan Jabatan Pertanian Malaysia untuk membimbing dan mewujudkan pengusaha pertanian yang progresif dapat meningkatkan produktiviti ladang dan seterusnya menaik taraf pengeluaran pertanian negara.<sup>14</sup> Setelah itu, proses penanaman yang akan dijalankan memerlukan tenaga buruh yang ramai untuk memastikan proses penanaman tersebut dapat dijalankan dengan lebih cekap dan pantas. Secara tidak langsung ianya membuka peluang pekerjaan kepada mereka yang menganggur dan memerlukan pendapatan untuk menampung kehidupan harian.

Setelah itu, hasil yang diperolehi daripada penanaman tersebut akan dikumpulkan dan diedar ke pasaran-pasaran untuk diniagakan kepada rakyat. Hasil tanaman itu juga boleh diproses untuk dijadikan produk yang boleh disimpan lama. Sebagai contoh, hasil tanaman jagung dapat dijual dalam pasaran sama ada dalam bentuk jagung segar atau jagung leraai yang siap diproses dan dijadikan sebagai makanan dalam tin yang tahan lama. Menerusi pemprosesan makanan ini, ianya dapat membantu untuk mengembangkan lagi industri tersebut dalam ekonomi negara dan dengan bertambahnya kegiatan pemprosesan makanan ini, ianya turut memberi ruang kepada prospek kerjaya seperti Penolong Eksekutif Kawalan Mutu Makanan, Penyelia Jaminan Kualiti Makanan dan sebagainya kepada mereka yang memilih bidang pemprosesan makanan sebagai bidang kerjaya mereka.<sup>15</sup> Kemudian, apabila hasil yang diperolehi terlalu banyak dan melebihi keperluan rakyat Malaysia, ianya juga dapat dieksport ke luar negara yang memerlukan sesuatu jenis makanan. Menerusi proses pengeksportan ini, ia turut dapat meningkatkan jalinan ekonomi Malaysia dan negara lain bahkan dapat menaikkan lagi nama negara di persada antarabangsa.

Melalui pelaksanaan wakaf pertanian, negara dapat meningkatkan lagi kemajuan pembangunan ekonomi negara secara berterusan. Malah, dengan pelaksanaan wakaf pertanian ini juga pihak kerajaan dapat memanfaatkan tanah wakaf yang terbiar sekian lama. Tanah yang terbiar dan tidak terurus ini dapat diusahakan dengan tanaman yang memberi manfaat dan turut melestarikan alam dengan pokok-pokok dan tumbuhan hijau. Justeru, wakaf pertanian ini perlu diperluaskan lagi dalam setiap negeri secara menyeluruh. Ini kerana ianya bukan sahaja dapat memanfaatkan tanah wakaf yang ada malah dapat membantu golongan yang tidak berkemampuan untuk menaikkan taraf kehidupan mereka dengan mendapatkan peluang pekerjaan yang ada sektor pertanian.

---

<sup>14</sup> Portal Rasmi Jabatan Pertanian Malaysia. *Objektif dan Fungsi Jabatan Pertanian*. Dicapai pada 15 Disember 2023, <https://www.doa.gov.my/index.php/pages/view/497>

<sup>15</sup> Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia. *Diploma Pemprosesan Makanan*. Dicapai pada 15 Disember 2023, <https://bpltv.moe.gov.my/diploma-pemprosesan-makanan/>

#### 4.0 SUMBANGAN WAKAF PERTANIAN TERHADAP SEKTOR KEWANGAN DI MALAYSIA

Wakaf merupakan satu institusi yang berfungsi sebagai sumber pembiayaan dalam pembangunan masyarakat Islam. Institusi ini berupaya menyediakan pelbagai kemudahan bagi menangani isu kemiskinan dalam kalangan masyarakat terutamanya melalui sektor pertanian. Sebagaimana projek Pertanian Bersepadu (WATANI) yang telah diperuntukan dana oleh pihak kerajaan untuk memperkasakan sosioekonomi rakyat Malaysia. Dana tersebut telah digunakan untuk membayar segala kos yang berkaitan dengan pengurusan tanah yang diwakafkan seperti membeli alat jentera, membuat pagar, dan pembinaan sistem pengairan. Projek WATANI ini dilihat memberi impak yang positif dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam kerana projek ini bukan sahaja membantu golongan yang kurang berkemampuan malah membuka ruang pekerjaan kepada masyarakat setempat terutamanya golongan muda yang ingin menceburkan diri dalam bidang pertanian selain mereka akan diberikan latihan dan peluang untuk mengusahakan tanah wakaf tersebut.<sup>16</sup> Projek WATANI diusahakan atas tanah yang telah diwakafkan dengan pelbagai tanaman kontan (*cash crop*) dan tanaman jangka sederhana seperti sayur-sayuran, cili merah, pisang tanduk, *golden melon*, nanas dan jagung dengan sasaran nilai jualan sehingga RM240,000.00 dalam tempoh tiga bulan sebelum dituai. Hasil tanaman yang diperolehi akan dibekalkan kepada orang ramai dengan harga yang berpatutan. Seterusnya, hasil penjualan tersebut akan dikongsikan sebahagiannya kepada masyarakat dan sebahagiannya lagi digunakan untuk kelestarian projek tersebut.

Di negeri Terengganu, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (MAIDAM) telah bekerjasama dengan TDM Berhad untuk mengusahakan ladang kelapa sawit. MAIDAM telah memberi sewa tanah yang berkeluasan 1300 hektar di Mukim Kuala jengai, Dungun untuk perusahaan tanaman kelapa sawit. Tanah tersebut diusahakan melalui dua fasa di mana Fasa I melibatkan 670 hektar daripada tanah tersebut telah dimajukan oleh TDM Berhad, manakala dalam Fasa II pula dalam proses untuk mendapat kelulusan Kerajaan Negeri bagi tanah selebihnya. Keuntungan daripada hasil minyak kelapa sawit tersebut dibahagikan sebanyak 68 peratus kepada TDM, manakala 32 peratus kepada MAIDAM dan 10 peratus daripadanya akan digunakan sebagai dana untuk pengurusan ladang berkenaan yang dikendalikan oleh TDM. Pendapatan MAIDAM dari hasil penanaman tersebut dan kadar sewa yang perlu dibayar oleh TDM akan digunakan untuk pembelian aset dan pembinaan premis perniagaan untuk digunakan oleh umat Islam.<sup>17</sup>

Seterusnya, Harian Metro melaporkan mengenai projek Wakaf Dusun Ilmu yang dijalankan oleh Universiti Teknologi MARA (UiTM) cawangan Melaka.

---

<sup>16</sup> Laman Web Berita Harian. (5 April, 2022). *Wakaf Pertanian Tangani Kos Sara Hidup, Jamin Sekuriti Makanan*. Dicapai pada 17 Disember 2023, <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/04/942538/wakaf-pertanian-tangani-kos-sara-hidup-jamin-sekuriti-makanan>

<sup>17</sup> Portal Rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). (6 Jun, 2012). *Kenyataan Akhbar Sempena Penyerahan Bayaran Keuntungan Pengurusan Ladang Sawit MAIDAM Oleh TDM Berhad*. Dicapai pada 17 Disember 2023, [http://jtnkt.terengganu.gov.my/maxc2020/agensi/index\\_article.display.php?cid=76683&idcat=123&aid=1098](http://jtnkt.terengganu.gov.my/maxc2020/agensi/index_article.display.php?cid=76683&idcat=123&aid=1098)

Projek besar ini dijalankan selari dengan seruan Kementerian Pengajian Tinggi yang mencadangkan supaya universiti awam berusaha untuk menjana pendapatan sendiri dan tidak bergantung sepenuhnya kepada dana kerajaan. Projek ini turut mendapat kerjasama daripada Jabatan Pertanian Melaka, MARDI Melaka dan FAMA Melaka yang dilantik sebagai Jawatankuasa Penasihat Projek untuk memastikan projek yang dijalankan dengan jayanya dan selari dengan tujuan asal. Menurut Muaz Mohd Noor selaku Koordinator Unit Zakat, Wakaf dan Sedekah (EL-WAZIF) UiTM cawangan Melaka, beliau menyatakan bahawa projek ini melibatkan proses penanaman sebanyak 140 lebih anak pokok yang bermula awal Februari 2021 dan mengambil masa lebih kurang tiga hingga lima tahun untuk mengeluarkan hasil. Pokok-pokok yang ditanam ini dianggarkan dapat mengeluarkan hasil yang dianggarkan bernilai RM227,800.00 semusim apabila mencapai tahun kelima. Hasil yang diperolehi itu akan disalurkan kepada warga kampus seperti menubuhkan kumpulan keusahawanan dari kalangan mahasiswa, bantuan kepada mahasiswa kategori asnaf miskin dan lain-lain.<sup>18</sup>

Selain itu, melalui wakaf pertanian yang dijalankan dengan cekap dan sistematik, ianya akan menyumbangkan lagi pendapatan sesebuah negeri menerusi cukai yang perlu dibayar untuk setiap hasil penanaman yang diperolehi. Menerusi Analisis Kewangan Kerajaan Negeri Pahang seperti mana di dalam Laporan Audit Negara bagi tahun 2022, dana kerajaan negeri pada tahun 2022 mencapai sebanyak RM1.288 bilion yang diperolehi daripada Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil.<sup>19</sup> Dana tersebut digunakan sebaik mungkin untuk tujuan membiayai Perbelanjaan Mengurus, Perbelanjaan Pembangunan dan Perbelanjaan Bekalan Air yang berjumlah RM1.236 bilion. Di dalam hasil cukai yang diperolehi tersebut adalah termasuk daripada cukai yang dibayar untuk hasil daripada penanaman di atas tanah yang diwakafkan untuk tujuan pertanian. Oleh itu, jika wakaf pertanian diusahakan dengan lebih efektif dan hasil daripada sesuatu penanaman itu meningkat saban tahun, maka hasil cukai untuk setiap penanaman tersebut turut akan meningkat dan memberikan manfaat bagi setiap negeri.

Menurut Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin selaku Ketua Perangkawan Malaysia, Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 11.6 peratus pada 2022 mengatasi pertumbuhan KDNK negara pada 8.7 peratus. Lonjakan ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa kepentingan PMKS semakin meningkat dalam memacu perkembangan ekonomi. Justeru, sumbangan PMKS kepada KDNK juga meningkat kepada 38.4 peratus kepada 37.4 peratus pada 2021, manakala nilai ditambah berjumlah RM580.4 bilion, menandakan peningkatan yang ketara daripada RM520.0 bilion pada tahun 2021. Penyumbang utama bagi pertumbuhan ini adalah melalui sektor perkhidmatan dan pembuatan yang merangkumi sumbangan sebanyak 84.6 peratus kepada KDNK PMKS. Bagaimanapun, sektor pertanian merekodkan pertumbuhan lebih perlahan pada 6.2 peratus berbanding 20.4 peratus pada tahun 2021. Eksport PMKS merangkumi 10.5

<sup>18</sup> Laman Web Harian Metro, Dicapai pada 17 Disember 2023, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/668641/projek-wakaf-dusun-ilmu-idea-bijak-uitm-jana-pendapatan>

<sup>19</sup> Portal Rasmi Laporan Ketua Audit Negara. *Laporan Ketua Audit Negara, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Agensi Negeri Pahang Tahun 2022*. Dicapai pada 17 Disember 2023, <https://lkan.audit.gov.my/laporan/previews/1902?document=2016>

peratus kepada jumlah keseluruhan eksport pada 2022, terdiri daripada sektor pembuatan (8.3 peratus) perkhidmatan (2.0 peratus) dan pertanian (0.2 peratus).<sup>20</sup> Walaupun sektor pertanian merekodkan pertumbuhan yang lebih perlahan, namun sumbangannya tetap mempengaruhi peningkatan ekonomi negara.

Banyak lagi impak positif kepada kenaikan taraf ekonomi individu dan negara dari usaha menyemarakkan pengaplikasian sistem wakaf pertanian di negara kita. Malahan, negara juga akan bertambah maju dari segi pengeksportan sekiranya hasil pertanian tersebut dapat dikeluarkan dengan jayanya. Apabila sesuatu hasil itu melebihi keperluan negara, ianya akan dieksport ke negara yang kekurangan hasil tersebut. Dengan itu, taraf ekonomi akan bertambah dengan adanya pembeli dari luar negara. Bahkan, ianya juga dapat mengangkat nama negara dalam industri pengeksportan. Justeru itu, sistem wakaf pertanian ini amatlah berkesan dalam usaha untuk mengembangkan ekonomi tempatan dan juga luar negara.

## 5.0 KESIMPULAN

Wakaf merupakan salah satu ibadat yang digalakkan dalam Islam supaya umat Islam dapat mendekati diri kepada Allah SWT. Ibadat wakaf juga memainkan peranan yang penting dalam pembangunan ekonomi umat Islam. Dengan adanya tanah wakaf tersebut maka dapat dibangunkan kemudahan-kemudahan untuk kegunaan orang ramai seperti kemudahan kesihatan, pendidikan dan ibadat. Apabila masyarakat menggunakan segala kemudahan yang disediakan hasil daripada tanah wakaf tersebut, maka dari segi insaninya juga sedang membangun. Hal ini kerana apabila sesebuah masyarakat itu diterapkan dengan ilmu dan kemahiran sudah tentu taraf ekonominya juga akan meningkat. Jelaslah bahawa pembangunan ekonomi bukan sahaja diukur dari segi fizikal namun pembangunan insan juga termasuk dalam pembangunan ekonomi.

Wakaf juga dilihat mampu menangani isu kemiskinan di negara Malaysia dengan membangunkan sektor pertanian dalam negara. Usaha-usaha yang dilaksanakan oleh institusi-institusi yang terlibat seperti Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji (JAWHAR) dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) haruslah dikembangkan lagi supaya dapat meningkatkan pengurusan wakaf pertanian. Cadangan bagi menambah baik pengurusan wakaf dalam sektor pertanian ialah antaranya menubuhkan dana wakaf. Masalah kewangan sudah tidak asing lagi dalam sesebuah organisasi. Oleh itu, penubuhan dana wakaf dapat menambahkan lagi dana bagi pelaksanaan projek wakaf dalam sektor pertanian. Hasil kutipan dana tunai akan dimasukkan ke dalam akaun atau dikenali sebagai dana *taslim* untuk membeli harta seperti tanah kemudian menjalankan projek ekonomi. Keuntungan yang diperolehi daripada projek tersebut akan disalurkan ke dalam dana *tawzi'* seterusnya digunakan untuk menjalankan projek kemasyarakatan untuk kegunaan awam.

Selain itu, cadangan yang dapat diutarakan dalam meningkatkan pengurusan wakaf dalam sektor pertanian adalah dengan membina rangkaian jalinan hubungan yang lebih luas. Contohnya, bekerjasama dengan pihak institusi pengajian tinggi

---

<sup>20</sup> Laman Web Astro Awani. (27 Julai, 2023). *KDNK PMKS Malaysia melonjak 11.6 peratus kepada RM580.4 bilion pada 2022*. Dicapai pada 17 Disember 2023, <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/kdnk-pmks-malaysia-melonjak-116-peratus-kepada-rm5804-bilion-pada-2022-429986>

dalam menjalankan projek wakaf pertanian. Hal ini kerana institut pengajian tinggi tidak mempunyai persaingan dengan institusi yang lain. Oleh itu, jalinan hubungan yang rapat dengan institut pengajian tinggi mampu meningkatkan dana dalam menjalankan projek wakaf pertanian di Malaysia.

Akhir sekali, pengubahsuaian tanah wakaf kepada zon yang lebih dinamik juga dapat memberi kesan kepada hasil tanamannya dan memudahkan pekerjaan petani. Contohnya, ladang kelapa sawit haruslah diwujudkan di kawasan pedalaman supaya penghasilan buah sawit tersebut dapat tumbuh dengan subur. Kesannya, penghasilan kelapa sawit yang banyak dan berkualiti mampu mengaut keuntungan dan meningkatkan taraf pendapatan petani. Jelaslah bahawa wakaf sangat digalakkan dalam agama Islam. Setiap perkara yang digalakkan dalam Islam pasti akan memberi kesan yang positif terhadap diri, masyarakat dan negara. Wakaf dalam sektor pertanian adalah antara contoh yang boleh digunakan sebagai bukti bahawa kemiskinan dalam Malaysia mampu dibasmi. Jika pembasmian kemiskinan di negara Malaysia dapat dikawal maka pembangunan ekonomi umat Islam di negara Malaysia juga akan menunjukkan kesan yang positif kepada masyarakat bukan Islam. Oleh itu, cadangan penambahbaikan yang dinyatakan di atas haruslah dipertimbangkan dengan sewajarnya.

### **Sumbangan Pengarang**

Johar, M. H. M. dan Saad, S. A. M., Proses penulisan melibatkan pengenalan, perbincangan penyusunan idea, semakan gaya bahasa, dan penyuntingan draf akhir dilaksanakan dan keseluruhan penyediaan artikel disempurnakan secara kolektif oleh semua pihak yang terlibat.

### **Penolakan Tuntutan**

Manuskrip ini belum diterbitkan di tempat lain dan semua penulis telah bersetuju dengan penyerahannya dan mengisytiharkan tiada konflik kepentingan pada manuskrip.

### **RUJUKAN**

- Aziz, W. N. A., Ahmad, F., Hanis, N. R. & Kok, W. H. (2011). Pembasmian Kemiskinan Bandar ke Arah Bandar Inklusif dan Sejahtera: Cabaran Kuala Lumpur. *Journal of Surveying, Construction & Property*, 2(1), 107-124.
- Ibrahim, A. (2023). *Membangunan Negara Madani: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi*. Selangor: IDE Research Centre Sdn. Bhd.
- Khairi, K. F., Laili, N. H., Sabri, H. & Basah, M. Y. A. (2019). *Melestarikan Tanah Wakaf melalui Pemeraksanaan Wakaf Koperat*. Negeri Sembilan: Penerbit USIM.
- Laman Web Astro Awani. (27 Julai, 2023). *KDNK PMKS Malaysia melonjak 11.6 peratus kepada RM580.4 bilion pada 2022*. Dicapai pada 17 Disember 2023, <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/kdnk-pmks-malaysia-melonjak-116-peratus-kepada-rm5804-bilion-pada-2022-429986>

- Laman Web Berita Harian. (5 April, 2022). *Wakaf Pertanian Tangani Kos Sara Hidup, Jamin Sekuriti Makanan*. Dicapai pada 17 Disember 2023, <https://www.bharian.com.my/rencana/lain-lain/2022/04/942538/wakaf-pertanian-tangani-kos-sara-hidup-jamin-sekuriti-makanan>
- Laman Web Harian Metro. (27 Januari, 2021) *Projek Wakaf Dusun Ilmu, Idea Bijak UiTM Jana Pendapatan*. Dicapai pada 17 Disember 2023, <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/01/668641/projek-wakaf-dusun-ilmu-idea-bijak-uitm-jana-pendapatan>
- Mohamed, N. & Rahman, A. A. (2017). *Wakaf Kesihatan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Othman, R. (2015). *Institusi Wakaf: Sejarah dan Amalan Masa Kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Portal Rasmi Jabatan Pertanian Malaysia. *Objektif dan Fungsi Jabatan Pertanian*. Dicapai pada 15 Disember 2023, <https://www.doa.gov.my/index.php/pages/view/497>
- Portal Rasmi Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). *Statistik Tanah Wakaf Seluruh Malaysia Sehingga Julai 2023*. Dicapai pada 18 Disember 2023, <https://www.jawhar.gov.my/en/waqf/waqf-statistic/>
- Portal Rasmi Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). (28 Jun, 2022). *Program Bertani dan Beriadah (TADAH) YWM di Laman WATANI Bersama Warga Kerja Yayasan Waqaf Malaysia*. Dicapai pada 13 Disember 2023, <https://www.ywm.gov.my/aktiviti/400>
- Portal Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia. *Diploma Pemprosesan Makanan*. Dicapai pada 15 Disember 2023, <https://bpltv.moe.gov.my/diploma-pemprosesan-makanan/>
- Portal Rasmi Laporan Ketua Audit Negara. *Laporan Ketua Audit Negara, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Serta Pengauditan Pematuhan Agensi Negeri Pahang Tahun 2022*. Dicapai pada 17 Disember 2023, <https://lkan.audit.gov.my/laporan/previews/1902?document=2016>
- Portal Rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK). (29 Jun, 2022). *MAIK Belanja Lebih Rm1 Juta Untuk Pelbagai Projek Waqaf Tunai*. Dicapai pada 15 Disember 2023, <https://www.e-maik.my/v2/index.php/koleksiberita/berita-2022/maik-belanja-lebih-rm1-juta-untuk-pelbagai-projek-waqaf-tunai>
- Portal Rasmi Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM). (6 Jun, 2012). *Kenyataan Akhbar Sempena Penyerahan Bayaran Keuntungan Pengurusan Ladang Sawit MAIDAM Oleh TDM Berhad*. Dicapai pada 17 Disember 2023, [http://jtnkt.terengganu.gov.my/maxc2020/agensi/index\\_article.display.php?cid=76683&idcat=123&aid=1098](http://jtnkt.terengganu.gov.my/maxc2020/agensi/index_article.display.php?cid=76683&idcat=123&aid=1098)
- Portal Rasmi Pejabat Wilayah Persekutuan. (8 Julai, 2021). *Bayan Linnas Siri Ke-237: Waqaf: Definisi, Konsep Dan Kepentingannya*. Dicapai pada 18 Disember 2023, <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/4861-bayan-linnas-siri-ke-237-waqaf-definisi-konsep-dan-kepentingannya>

- Portal Rasmi Perbadanan MAINS. (19 Oktober, 2023). *Projek Nenas di Tanah Wakaf*. Dicapai pada 13 Disember 2023, <https://mainscorp.com/aktiviti/projek-nenas-di-tanah-wakaf/>
- Portal Rasmi Yayasan Wakaf Malaysia. (28 Jun, 2022). *Program Bertani dan Beriadah (TADAH) YWM di Laman WATANI Bersama Warga Kerja Yayasan Waqaf Malaysia*. Dicapai pada 13 Disember 2023, <https://www.ywm.gov.my/aktiviti/400>
- Rahman, A. A. (2023). *Peranan Wakaf dalam Membangunkan Ekonomi Umat Islam: Pengalaman di Malaysia*. Dicapai pada 14 Disember 2023, <https://eprints.um.edu.my/9150/1/All.pdf>
- Saleh, M. M., Mohamed, N. A., Saufi, S., Ghani, H. A. & Noor, S. (2022). Wakaf Ekonomi: Konsep dan Potensi Pelaksanaannya di Negeri Kelantan. e-*Proceedings of the 1st International Conference on Islamic Economics 2022 (1st ICONIE 2022)*, pp. 80-96.
- Suhaimi, F. M. & Rahman, A. A. (2018). *Pembiayaan Pembangunan Negara Menerusi Wakaf*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Taib, N. (2023). *Islam dan Pembasmian Kemiskinan*. Dicapai pada 10 Disember 2023, [http://eprints.utm.my/9879/1/ARTNasseriTaib1993\\_IslamDanPembasmianKemiskinan.pdf](http://eprints.utm.my/9879/1/ARTNasseriTaib1993_IslamDanPembasmianKemiskinan.pdf)